



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG (07/2025)



جَابَتَهُ مَفْتُوحٌ نَّبِيٌّ قَمَعٌ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JULAI 2025



**BELIA MALAYSIA, YAKIN BOLEH!
11 JULAI 2025M BERSAMAAN 22 MUHARAM 1447H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُنْ مِنَ

الْمُشْرِكِينَ

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَّا عِبَادُ اللَّهِ، إِتْقُوا اللَّهَ وَأُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Khutbah pada hari ini membincarakan tajuk: BELIA Malaysia: YAKIN BOLEH! Al-Quran telah merakamkan kisah seorang pemuda iaitu Nabi Ibrahim Alaihi Salam mempertahankan akidahnya walaupun ditentang oleh keluarganya sendiri berdasarkan firman Allah Taala dalam surah An-Nahl ayat 120 yang dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud: "*Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah merupakan "satu umat" (walaupun dia seorang diri); dia taat bulat-bulat kepada Allah, lagi berdiri teguh di atas dasar tauhid; dan dia tidak pernah menjadi daripada orang yang musyrik.*"



Beberapa kisah keyakinan dan keimanan anak muda kepada Allah Taala turut dirakamkan dalam Surah al-Kahfi ayat 13:

نَحْنُ نَقْصٌ عَلَيْكَ نَبَأُهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزَدْنَهُمْ هُدًى

Yang bermaksud: “Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk”.

Kisah Nabi Ibrahim ketika mudanya dan pemuda Kahfi adalah contoh yang penting bagi generasi muda hari ini dalam mempertahankan agama dan akidah walaupun berhadapan dengan cabaran dan tekanan yang hebat. Mereka memperlihatkan bahawa mempertahankan akidah dan keimanan adalah lebih utama daripada segala-galanya, termasuk kemewahan dunia dan kedudukan dalam masyarakat.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Taala,

Menerusi data Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2024 terdapat seramai 9.5 juta orang golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun yang mewakili 28% daripada populasi di Malaysia.

Belia bukan sahaja akan menjadi peneraju masa depan, tetapi juga sebagai agen perubahan yang mampu membawa negara ke arah yang lebih maju, berdaya saing dan berintegriti. Dengan didikan yang betul dan berlandaskan prinsip-prinsip Islam, belia boleh menggalas tanggungjawab besar untuk meneruskan dan memperkuuhkan nilai-nilai Islam, selain menyumbang kepada kemajuan ekonomi, sosial dan politik negara.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Taala,

Di Malaysia, Hari Belia Negara disambut setiap tahun bagi mengiktiraf golongan belia atas sumbangan dan peranan mereka dalam pembangunan negara. Dengan tema “Yakin Boleh”, Hari Belia Negara 2025 terus memperkasakan peranan belia dalam semua bidang dalam membentuk visi serta masa depan negara. “Yakin Boleh” memberi maksud keyakinan

pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan.

Sejarah tamadun Islam membuktikan bahawa keyakinan dan keimanan kepada Allah Taala dan Rasul-Nya terpahat dalam kalangan anak muda seperti Saidina Ali bin Abi Talib, Saidina Jaafar bin Abi Talib, Saidina Abdullah bin Mas'ud dan lain-lain. Mereka bukan sahaja di antara sahabat Nabi Salallahu Alaihi Wasallam yang mula-mula beriman, malah turut diberi kepercayaan sebagai barisan hadapan dalam menjulang panji-panji Islam. Ketokohan para sahabat dalam usia belia dengan berkeyakinan dan berpegang teguh pada keimanan telah membawa kepada kegembilangan Islam.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Belia merupakan aset berharga kepada sesebuah Negara di mana ia boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniaawi dan ukhrawi. Antara asas pembangunan modal insan adalah ilmu dan akhlak. Firman Allah Taala dalam surah Al-Qasas ayat 26 yang bermaksud: “*Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata; “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita). Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”*”.

“Kuat” sinonim dengan istilah kompeten. Ianya membawa maksud “kuat” dari segi fizikal, mental, emosi serta segala kemahiran yang diperlukan. Manakala “Amanah” adalah membawa maksud integriti dan ketelusan. Kedua-dua ciri ini wajib diterapkan dalam setiap individu belia di Malaysia.

Belia sebagai aset negara kini dan masa hadapan perlu disantuni dan digilap sebagai pewaris kepada pembangunan negara. Di Kementerian Belia dan Sukan, Pengukuhan Pembangunan Belia Positif adalah satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif dan bersesuaian dengan potensi di mana belia berada.



Semoga setiap anak muda di negeri Pahang boleh diserahkan untuk kebaikan ummah, negeri dan negara. Marilah kita bersama-sama mendukung, membimbing, dan memberikan peluang kepada generasi muda untuk berkembang dan berjaya. Masyarakat perlu membina

persekitaran yang kondusif untuk belia bagi perkembangan, memberi peluang untuk bersuara, serta memberikan sokongan moral dan mental.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, beberapa kesimpulan perlu diberi perhatian daripada intipati khutbah yang disampaikan pada hari ini:

Pertama: Tamadun Islam membuktikan bagaimana anak muda mempunyai keyakinan dan keimanan yang tinggi dalam mematuhi segala perintah Allah melalui perutusan daripada Rasul-Rasul-Nya.

Kedua: Pengiktirafan khusus kepada Belia di Malaysia diangkat melalui Hari Belia Negara pada tarikh 15 Mei setiap tahun. “Yakin Boleh” membuktikan keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan.

Ketiga: Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara dunia ni dan ukhrawi. Belia perlu disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنَىَ أَقِمُ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهُ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ

عَزْمٌ الْأَمُورِ



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.